

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**ASPEK KEHIDUPAN SEBELUM DAN SELEPAS PERKAHWINAN  
DALAM NOVEL TAMIL MALAYSIA**

THINESH A/L SUBRAMANIAM

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAN TAMIL)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah tentang aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia. Kajian ini mempunyai tiga objektif. Objektif pertama adalah mengkaji ciri-ciri kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia; objektif kedua adalah meneliti dan menilai kesesuaian penggunaan aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia; dan objektif ketiga adalah menerangkan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang masih dipertahankan oleh masyarakat Tamil Malaysia. Kajian ini telah menggabungkan dua kaedah secara bersepada iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan. Kaedah kepustakaan melibatkan analisis teks yang berpandukan 5 buah novel Tamil Malaysia yang digunakan dalam kajian ini. Manakala, kaedah kajian lapangan dibentangkan dalam bentuk carta bar. Teori *Kalaviyal* dan teori *Karpiyal* digunakan sebagai teori mendasar kajian ini. Setelah menjalankan kajian berdasarkan objektif pertama, pengkaji mendapati bahawa ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang diterangkan dalam karya agung *Tolkāppiyam* memang digunakan oleh penulis-penulis novel Tamil Malaysia dalam kelima-lima novel tersebut. Hasil dapatan objektif kedua mendapati bahawa aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan digunakan dengan sesuai dalam novel-novel Tamil Malaysia. Manakala, setelah menjalankan kajian berdasarkan objektif ketiga pula didapati bahawa aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan masih lagi dapat terlihat dalam kalangan masyarakat India zaman kini. Kehidupan masyarakat India kini masih mempunyai pengaruh aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang diterangkan dalam karya agung *Tolkāppiyam*. Kajian ini menjadi salah satu garis panduan terutamanya kepada masyarakat Tamil di Malaysia bagi menguruskan kehidupan mereka sebelum dan juga selepas perkahwinan supaya aspek-aspek kehidupan yang dinyatakan dalam karya agung *Tolkāppiyam* tidak diabaikan mengikut peredaran zaman.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## ABSTRACT

This study was about aspects of life before and after marriage in Malaysian Tamil novels. This study consisted of three objectives. The first objective was to identify the aspects of life before and after marriage in Malaysian Tamil novels; the second objective was to analyze the appropriateness of the aspects of life before and after marriage in Malaysian Tamil novels; and the third objective was to assess aspects of life before and after marriage in Indian society today. This study incorporated two integrated methods namely library and field research. Methods of library involved the analysis of literary texts based on 5 Malaysian Tamil novels. Meanwhile, field research methods were presented in the form of a bar chart. The theories of *Kalaviyal* and *Karpiyal* were used in this study. After conducting the study based on the first objective, the researcher found that the features of aspects of life before and after marriage described in the masterpiece of *Tolkāppiyam* used by the authors in those 5 novels were also used in this study. The findings of the second objective showed that aspects of life before and after marriage were appropriately used in Malaysian Tamil novels. Whereas, after conducting the study based on third objective revealed that aspects of life before and after marriage could still be seen among the modern Malaysian Indian community. Indian community of nowadays are still influenced by the aspects of life before and after marriage as described in the masterpiece of *Tolkāppiyam*. This study is one of the guidelines, particularly to the Indian community in Malaysia to manage their life before and also after marriage so that the aspects of life before and after marriage which was described in the masterpiece of *Tolkāppiyam* would not be neglected over time.

<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>TRANSLITERASI</b>	xv

## **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Sumber Kajian	11
1.9 Definisi Operasional	12
1.9.1 Definisi Aspek	13
1.9.2 Definisi Kehidupan	13
1.9.3 Definisi Sebelum Perkahwinan	13

<b>1.9.4 Definisi Selepas Perkahwinan</b>	<b>14</b>												
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>1.9.5 Definisi Novel</b>	<b>15</b>												
<b>1.9.6 Definisi Kesesuaian</b>	<b>16</b>												
<b>1.10 Kesimpulan</b>	<b>17</b>												

## **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

<b>2.1 Pengenalan</b>	<b>18</b>
<b>2.2 Kajian-Kajian Terdahulu</b>	<b>19</b>
<b>2.3 Kesimpulan</b>	<b>30</b>

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

<b>3.1 Pengenalan</b>	<b>32</b>
<b>3.2 Reka Bentuk Kajian</b>	<b>33</b>
<b>3.2.1 Kerangka Kajian</b>	<b>35</b>
<b>3.3 Kaedah Kajian</b>	<b>36</b>
<b>3.3.1 Kaedah Analisis Teks</b>	<b>36</b>
<b>3.3.2 Kaedah Kajian Kepustakaan</b>	<b>37</b>
<b>3.3.3 Kaedah Kajian Lapangan</b>	<b>38</b>
<b>3.4 Kaedah Pengumpulan Data</b>	<b>39</b>
<b>3.5 Teori Kajian</b>	<b>40</b>
<b>3.6 <i>Teori Kalaviyal</i></b>	<b>41</b>
<b>3.6.1 Pertemuan Pertama</b>	<b>42</b>
<b>3.6.2 Keraguan</b>	<b>42</b>
<b>3.6.3 Mengatasi Keraguan</b>	<b>43</b>
<b>3.6.4 Pandangan Pertama</b>	<b>44</b>
<b>3.6.5 Kerinduan</b>	<b>44</b>
<b>3.6.6 Memikat</b>	<b>45</b>

<b>3.6.7 Percintaan</b>	<b>45</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	47
<b>3.6.8 Hubungan Intim</b>	<b>47</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	48
<b>3.6.9 Persediaan Untuk Berkahwin</b>	<b>48</b>
<b>3.7 Teori Karpiyal</b>	<b>49</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	49
<b>3.7.1 Perkahwinan</b>	<b>50</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	50
<b>3.7.2 Kehidupan Berumah Tangga</b>	<b>50</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	52
<b>3.7.3 Perpisahan</b>	<b>52</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	55
<b>3.7.4 Keinsafan</b>	<b>55</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	56
<b>3.7.5 Kehidupan Pada Usia Tua</b>	<b>56</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	57
<b>3.8 Kerangka Teori</b>	<b>57</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	58
<b>3.9 Kesimpulan</b>	<b>58</b>

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>59</b>
<b>4.2 Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan</b>	<b>60</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	60
<b>4.2.1 Aspek Pertemuan Pertama</b>	<b>61</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	61
<b>4.2.2 Aspek Keraguan</b>	<b>64</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	64
<b>4.2.3 Aspek Mengatasi Keraguan</b>	<b>68</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	68
<b>4.2.4 Aspek Kerinduan</b>	<b>70</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	70
<b>4.2.5 Aspek Memikat</b>	<b>73</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	73
<b>4.2.6 Aspek Percintaan</b>	<b>83</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	83
<b>4.2.7 Aspek Hubungan Intim</b>	<b>111</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	111
<b>4.2.8 Aspek Persediaan Untuk Berkahwin</b>	<b>127</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	127
<b>4.3 Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan</b>	<b>133</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	133
<b>4.3.1 Aspek Perkahwinan</b>	<b>134</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	134
<b>4.3.2 Aspek Kehidupan Berumah Tangga</b>	<b>138</b>

<b>4.3.3 Aspek Kehidupan Pada Usia Tua</b>	<b>163</b>
<b>4.4 Aspek Kehidupan Sebelum Dan Selepas Perkahwinan Dalam Kalangan Masyarakat India Zaman Kini</b>	<b>167</b>
<b>4.4.1 Maklumat Peribadi Lelaki</b>	<b>168</b>
<b>4.4.2 Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Bagi Golongan Lelaki</b>	<b>169</b>
<b>4.4.3 Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Bagi Golongan Lelaki</b>	<b>191</b>
<b>4.4.4 Maklumat Peribadi Wanita</b>	<b>201</b>
<b>4.4.5 Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Bagi Golongan Wanita</b>	<b>202</b>
<b>4.4.6 Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Bagi Golongan Wanita</b>	<b>220</b>
<b>4.5 Kesimpulan</b>	<b>230</b>
<b>BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>232</b>
<b>5.2 Penemuan</b>	<b>233</b>
<b>5.2.1 Mengenal Pasti Aspek-Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia</b>	<b>233</b>
<b>5.2.2 Mengenal Pasti Aspek-Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia</b>	<b>237</b>
<b>5.2.3 Kesesuaian Penggunaan Aspek-Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia</b>	<b>240</b>
<b>5.2.4 Kesesuaian Penggunaan Aspek-Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia</b>	<b>243</b>
<b>5.2.5 Menilai Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Dalam Kalangan Responden Lelaki India Zaman Ini</b>	<b>246</b>

<b>5.2.6 Menilai Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Dalam Kalangan Responden Lelaki India Zaman Ini</b>	<b>252</b>	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>5.2.7 Menilai Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Dalam Kalangan Responden Wanita India Zaman Ini</b>	<b>254</b>	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>5.2.8 Menilai Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Dalam Kalangan Responden Wanita India Zaman Ini</b>	<b>259</b>	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>5.3 Cadangan Kajian Yang Selanjutnya</b>	<b>251</b>	
<b>5.4 Kesimpulan</b>	<b>262</b>	
<b>RUJUKAN</b>	<b>263</b>	

## LAMPIRAN

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	<b>Senarai Novel</b>	11
3.1	<b>Skala Likert</b>	39
4.1	<b>Aspek Pertemuan Pertama</b>	61
4.2	<b>Aspek Keraguan</b>	65
4.3	<b>Aspek Mengatasi Keraguan</b>	68
4.4	<b>Aspek Kerinduan</b>	71
4.5	<b>Aspek Memikat</b>	73
4.6	<b>Aspek Percintaan</b>	84
4.7	<b>Aspek Hubungan Intim</b>	111
4.8	<b>Statistik Anak Luar Nikah</b>	126
4.9	<b>Aspek Persediaan Untuk Berkahwin</b>	127
4.10	<b>Aspek Perkahwinan</b>	134
4.11	<b>Aspek Kehidupan Berumah Tangga</b>	139
4.12	<b>Aspek Kehidupan Pada Usia Tua</b>	164
4.13	<b>Kes Pencerahan</b>	165
4.14	<b>Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Bagi Golongan Lelaki</b>	169
4.15	<b>Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Bagi Golongan Lelaki</b>	191
4.16	<b>Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Bagi Golongan Wanita</b>	202

<b>4.17</b>	<b>Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Bagi Golongan Wanita</b>	<b>220</b>
<b>5.1</b>	<b>Mengenal Pasti Aspek-Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia</b>	<b>234</b>
<b>5.2</b>	<b>Mengenal Pasti Aspek-Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia</b>	<b>238</b>
<b>5.3</b>	<b>Kesesuaian Penggunaan Aspek-Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia</b>	<b>240</b>
<b>5.4</b>	<b>Kesesuaian Penggunaan Aspek-Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia</b>	<b>244</b>
<b>5.5</b>	<b>Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Dalam Kalangan Responden Lelaki India</b>	<b>247</b>
<b>5.6</b>	<b>Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Dalam Kalangan Responden Lelaki India</b>	<b>252</b>
<b>5.7</b>	<b>Aspek Kehidupan Sebelum Perkahwinan Dalam kalangan Responden Wanita India</b>	<b>255</b>
<b>5.8</b>	<b>Aspek Kehidupan Selepas Perkahwinan Dalam Kalangan Responden Wanita India</b>	<b>260</b>

## **SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>3.1 Kerangka Kajian</b>	<b>35</b>
<b>3.2 Kerangka Teori</b>	<b>37</b>
<b>4.1 Taburan Kekerapan Responden Lelaki Mengikut Umur</b>	<b>168</b>
<b>4.2 Pertemuan Pertama</b>	<b>172</b>
<b>4.3 Pandangan Pertama</b>	<b>173</b>
<b>4.4 Kerinduan</b>	<b>175</b>
<b>4.5 Memikat</b>	<b>178</b>
<b>4.6 Percintaan</b>	<b>181</b>
<b>4.7 Hubungan Intim</b>	<b>187</b>
<b>4.8 Persediaan Untuk Berkahwin</b>	<b>189</b>
<b>4.9 Perkahwinan</b>	<b>192</b>
<b>4.10 Kehidupan Berumah Tangga</b>	<b>193</b>
<b>4.11 Perpisahan</b>	<b>195</b>
<b>4.12 Keinsafan</b>	<b>197</b>

<b>4.13 Kehidupan Pada Usia Tua</b>	<b>198</b>
<b>4.14 Taburan Kekerapan Responden Wanita Mengikut Umur</b>	<b>201</b>
<b>4.15 Pandangan Pertama</b>	<b>205</b>
<b>4.16 Kerinduan</b>	<b>206</b>
<b>4.17 Percintaan</b>	<b>211</b>
<b>4.18 Hubungan Intim</b>	<b>216</b>
<b>4.19 Persediaan Untuk Berkahwin</b>	<b>218</b>
<b>4.20 Perkahwinan</b>	<b>221</b>
<b>4.21 Kehidupan Berumah Tangga</b>	<b>222</b>
<b>4.22 Perpisahan</b>	<b>225</b>
<b>4.23 Keinsafan</b>	<b>226</b>
<b>4.24 Kehidupan Pada Usia Tua</b>	<b>228</b>

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

## TRANSLITERASI

Penggunaan transkripsi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

### உயிரமுத்துக்கள்/ Huruf-huruf Vokal

அ - a

ஏ - ē

ஒ - o

ஆ - ā

உ - u

ஔ - ō

இ - i

ஊ - ū

ஔ - ai

ஓள - au

### மெய்யமுத்துக்கள்/ Huruf-huruf Konsonen

க - k

ங் - n

ஷ - y

ஞ் - ñ

ச - c

ஞ் - ñ

ற - r

஢ - ḡ

ட் - t̪

ண் - n̪

ல் - l̪

ண் - !

த் - t

ஃ - n̪

வ் - v

ஃ - k

ப் - p

ம் - m

ஃ - l̪

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bidang kesusasteraan amat berkembang dengan pesatnya dalam pelbagai aspek pada zaman moden ini. Kehadiran kesusasteraan dengan gaya tertentu pada lumrahnya mematuhi kehendak masyarakat berkenaan pada ketika itu supaya mereka akan gembira menikmatinya (Vaiyapuri Pillai, 1974:22). Oleh itu, kemunculan corak dan bentuk kesusasteraan adalah mengikut kehendak zaman serta keperluan masyarakat pada sesuatu peringkat berkenaan.

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan ciri-ciri *Kalaviyal* dan *Karpiyal* masih dapat dikesan dalam kehidupan dan penulisan kreatif masyarakat Tamil Malaysia.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sastera ialah suatu unsur yang memperlihatkan kisah manusia secara teratur dan terperinci. Genre-genre ini menjadi sebagai panduan yang teratur untuk mencerminkan kebudayaan masyarakat. Selain itu, sastera juga merupakan suatu alat yang memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Maka, sastera boleh dijadikan sebagai bahan bukti yang berupa dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat. Berikutan ini, para pengkaji antropologi dan sosiologi menitikberatkan bahan sastera sebegini sebagai bukti untuk memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat (Jesuthas, 2010:56).

Dalam perkembangan sastera Tamil moden abad ke-18 dikatakan sebagai abad yang penting. Novel dan cerpen dari Barat telah mula meresap dalam sastera prosa. Perkara tersebut turut memberi kesan kepada kesusasteraan Tamil dengan menukarkan wajah klasik kepada moden (Jesuthas, 2010:57).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Sebenarnya, hasil ciptaan karya bangsa India menandakan suatu tahap

perkembangan bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India. Masyarakat India di

Malaysia menggunakan bahasa Tamil sebagai alat pertuturan dan sebaran dalam usaha usaha mengembangkan peradaban serta memajukkan kesusasteraan Tamil mengikut peredaran masa (Akilan, 2002:25). Masyarakat India di Malaysia pada awalnya terdiri daripada ahli perniagan, duta politik dan ahli falsafah. Masyarakat India ketika itu tidak berusaha untuk membentuk tamadun di Tanah Melayu disebabkan mereka tidak bermastautin tetap. Fenomena ini berterusan hingga abad ke-19 (Jesuthas, 2010:16).

Kemunculan novel dalam dunia kesusasteraan mempunyai kedudukan yang istimewa. Perkara ini telah ditafsirkan oleh V.Sababathy (1996) dalam bukunya, *Malaysian Tamil Novels After Independence*. Beliau berpendapat bahawa,

*"There are not many rules to control this form of literature. It has the capacity to bend to any situation. Hence the creative writer is able to convey his idea in a broad manner. The novel is the only literary form where the creative writer has the right to stand with his legs apart and look into the many aspects of life from many angles with his own intuition".*

(Sababathy, 1996:58)

Oleh itu, novel merupakan suatu bentuk karya yang memberi ruang kepada penulis untuk menggarapkan peristiwa secara terperinci dan menarik untuk tetapan para pembaca. Kebebasan yang diberikan oleh genre novel kepada penulis ini digunakan oleh pengarang bagi menghasilkan karyanya dengan teliti dan panjang lebar. Setiap proses

penulisan atau pengaryaan ini mempunyai kedudukan yang tersendiri kerana wujud hubungan antara karya kreatif dengan pengaruh zaman. Pertindihan ini yang seterusnya berinteraksi dengan persekitaran sosio budaya dan pemikiran membolehkan pengarang mencipta karya tersendiri. Hasil karya sastera boleh dianggap sebagai suatu struktur yang dinamis hasil daripada sejarah kehidupan yang terus berlangsung.

Pada zaman *Cankam* (zaman klasik Tamil) sebanyak sembilan belas karya klasik telah dihasilkan dan masih dapat diperolehi dengan mudah (Srinivasa, 2001:102). Karya *Tolkappiyam* (5320 sebelum masihi) merupakan antara salah satu karya yang termasuk dalam sembilan belas karya yang dihasilkan itu (Subramaniyan, 2004:74). Karya ini merupakan karya hasil *Tolkappiyar* yang menjadi garis panduan kepada masyarakat India menjalani kehidupan tradisi yang diperkaya dengan nilai dan norma yang diwarisi turun temurun. Misalnya, di bawah aspek *porulatikaram* dalam *Tolkappiyam* ini terdapat 2 aspek lain iaitu *Kalaviyal* dan *Karpイヤal*. Oleh sebab itu, pengkaji akan menjalankan kajian ini berdasarkan kedua-dua aspek kehidupan sebelum perkahwinan (*Kalaviyal*) dan aspek kehidupan selepas perkahwinan (*Karpイヤal*) yang akan digunakan sebagai teori dalam kajian ini.

Secara ringkasnya, pengkaji akan mengkaji aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia. Pengkaji juga akan meneliti dan menilai kesesuaian penggunaan aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Tamil Malaysia. Dilain pihak itu, pengkaji juga akan menerangkan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia kini.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pengkaji telah memilih tajuk “Aspek Kehidupan Sebelum Dan Selepas Perkahwinan Dalam Novel Tamil Malaysia”. Penyelidikan ini memberi ruang kepada pengkaji untuk mengkaji mengenai teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* pada zaman klasik berdasarkan karya *Tolkāppiyam* dan juga pada zaman moden sekarang iaitu berpandukan novel-novel Tamil Malaysia.

Pada zaman *Cankam* (zaman klasik Tamil) banyak karya telah dihasilkan bagi menerangkan cara seorang lelaki dan wanita bagi menjalankan kehidupan mereka sebelum dan selepas perkahwinan mereka. Namun demikian, pengkaji hanya menggunakan karya *Tolkāppiyam* sebagai panduan dalam kajian ini. Dalam *Tolkāppiyam* pengasanya iaitu *Tolkāppiyar* telah menerangkan secara lebih terperinci akan cara-cara seorang lelaki dan wanita harus hidup sebelum dan juga selepas perkahwinan mereka. Walaupun teks *Tolkāppiyam* ini berbentuk puisi namun masih lagi dapat digunakan sebagai bahan panduan dalam kajian ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kesusasteraan klasik telah mengklasifikasikan aspek kehidupan masyarakat India ketika itu kepada dua bahagian, iaitu kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan mereka. Pada zaman klasik, aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang diamalkan adalah selaras dengan norma dan nilai kehidupan zaman tersebut. Hal ini bermaksud corak hubungan yang dijalankan antara seorang lelaki dengan seorang wanita sebelum perkahwinan juga selepas perkahwinan adalah bersesuaian dengan tuntutan zaman *Cankam* tersebut. Sebaliknya, jika diteliti novel Tamil Malaysia kini, aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang diamalkan adalah berbeza jika dibandingkan dengan aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan semasa zaman *Cankam*. Aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang digambarkan dalam novel-novel Tamil Malaysia jauh berbeza daripada aspek kehidupan masyarakat India zaman moden yang lengkap dengan pelbagai kemudahan dan pilihan. Walau bagaimana pun, terdapat juga beberapa persamaan aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang boleh dikatakan masih lagi diamalkan pada zaman moden ini seperti yang diikuti semasa zaman *Cankam*.

*Kalaviyal* atau kehidupan sebelum perkahwinan merupakan corak hubungan antara kehidupan seorang lelaki dengan seorang wanita setelah mereka bertemu dan jatuh dalam alam percintaan. Dalam kesusasteraan *Tholkāppiyam*, seseorang lelaki dan wanita akan bertemu secara sulit tanpa diketahui oleh kedua-dua pihak ibu bapa mereka. Biasannya, pasangan ini akan terdiri daripada pasangan dalam dalam lingkungan umur

yang sama dan mempunyai sifat yang agak sama. Pertemuan antara seorang lelaki dengan seorang wanita sebelum perkahwinan tidak dipandang rendah oleh masyarakat sekeliling namun akan ditentang tegas oleh kedua-dua pihak ibu bapa mereka (Vellaivarasan, 2001:69). Aspek *Kalaviyal* ini akan diterangkan secara lebih terperinci dalam bab tiga.

*Karpiyal* atau kehidupan selepas perkahwinan pula merupakan corak hubungan sepasang suami isteri selepas perkahwinan mereka. Kehidupan ini juga boleh dikatakan sebagai kehidupan monogami. Berdasarkan konsep monogami ini, seseorang wanita akan berkahwin dengan seseorang lelaki dengan mengikut pelbagai upacara keagamaan. Perkahwinan seperti ini akan dipersetujui dan dilangsungkan oleh kedua-dua belah pihak ibu bapa mereka. Namun demikian, pelbagai upacara keagamaan semasa perkahwinan hanya dijalankan oleh masyarakat India yang bertaraf tinggi dalam kedudukan kasta yang biasanya terdiri daripada golongan Brahmin dan orang kaya seperti ahli peniaga. Namun, mengikut peredaran zaman, amalan ini turut diikuti oleh semua lapisan masyarakat India secara menyeluruh. Oleh sebab wujud beberapa kekeliruan dalam upacara perkahwinan ini maka seorang tok sami yang dipercayai akan arif upacara ini dilantik untuk mengetuai majlis perkahwinan (Vellaivaranar, 2001:85). Aspek *Karpiyal* ini akan diterangkan secara lebih terperinci pada bab tiga.

Walaupun banyak pengkaji telah membuat kajian mengenai novel Tamil Malaysia namun tiada kajian yang dibuat oleh mana-mana pengkaji mengenai aspek kehidupan

sebelum dan selepas perkahwinan iaitu berdasarkan novel-novel Tamil Malaysia. Memandangkan hal tersebut, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengkaji ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia. dan meneliti serta menilai kesesuaian penggunaan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia. Selain itu, pengkaji juga akan menerangkan ciri-ciri yang masih dipertahankan oleh masyarakat Tamil Malaysia. Melalui kajian ini, pengkaji mengharapkan lompong-lompong yang terdapat dalam kajian mengenai novel-novel Tamil Malaysia dapat diisi dengan sempurna.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menjurus kepada objektif-objektif yang berikut :

1. Mengkaji ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia.
  2. Meneliti dan menilai kesesuaian penggunaan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia.
  3. Menerangkan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang masih dipertahankan oleh masyarakat Tamil Malaysia.

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut :

1. Bagaimanakah ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan digambarkan dalam novel Tamil Malaysia?
2. Bagaimanakah kesesuaian penggunaan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan mengikut peredaran zaman?
3. Sejauh manakah ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dipertahankan oleh masyarakat Tamil Malaysia?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia. Kajian ini juga dijalankan untuk meneliti dan menilai kesesuaian penggunaan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan dalam novel Tamil Malaysia serta menerangkan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang dipertahankan oleh masyarakat Tamil Malaysia.

Hasil analisis kajian ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan

dalam novel Tamil Malaysia. Selain itu, kajian ini juga akan menjadi sebagai bahan pembacaan masyarakat Tamil di Malaysia untuk mengenali lebih mengenai ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang diamalkan pada zaman kini. Kajian ini memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan untuk lebih mengenali taraf kesusasteraan Tamil di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan.

Secara keseluruhannya, dalam pada kajian ini pengkaji telah pun menekankan bahawa ciri-ciri aspek kehidupan sebelum dan selepas perkahwinan yang diterangkan dalam karya *Tolkappiyam* pada zaman klasik memang dapat dilihat pada zaman moden kini dan masih dipertahankan khususnya oleh masyarakat Tamil Malaysia.

### 1.7 Batasan Kajian

Pengkaji telah membataskan kajian ini pada novel-vovel yang dihasilkan dari tahun dari 2000 hingga 2013 sahaja. Pengkaji telah memilih novel-novel Tamil Malaysia yang diterbitkan dalam masa 13 tahun iaitu bermula dari tahun 2000 hingga tahun 2013 kerana novel-novel yang diterbitkan dalam tempoh masa tersebut adalah sesuai dengan kajian ini. Namun, bukan semua novel yang dikeluarkan dari tahun 2000-2013 ini sesuai bagi

kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Maka pengkaji hanya memilih 5 buah novel yang sesuai sahaja bagi tujuan kajian ini. Hal ini kerana, kelima-lima novel yang dipilih tersebut sahaja dapat menggambarkan ciri-ciri aspek kehidupan sebelum perkahwinan dan juga ciri-ciri aspek kehidupan selepas perkahwinan dengan jelas sekali. Tetapi, kajian dilakukan ke atas semua penulis novel yang mengarang hasil karya mereka tanpa memilih penulis-penulis novel yang spesifik. Kajian ini juga melibatkan maklum balas daripada 20 responden lelaki dan juga 20 responden wanita dalam lingkungan umur 50-70 tahun di negeri Pulau Pinang serta berkahwin cinta untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji bagi memenuhi objektif yang ketiga kajian ini.

Jadual 1.1

### *Senarai novel*

Bil.	Novel	Penulis	Bil. Muka Surat	Tahun
1	<i>Manya Unangkal</i>	M.Ramaya	176	2001
2	<i>Kuyil Küva Thuyil Elappa</i>	Nirmala Permal	222	2002
3	<i>Cithattam Atum Kalam</i>	Re.Karthigesu	176	2005
4	<i>Kāthalikkaka Nān Potta Capatham</i>	Na.Santhiran	236	2012
5	<i>Mathu</i>	Komathy Veluplay	299	2013

### 1.8 Sumber Kajian

Kajian tesis ini dihasilkan berdasarkan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ini adalah berdasarkan novel Tamil yang diterbitkan dari